

2

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1997/98**

**Februari 1998**

**HST 121 Tanah Besar Asia Tenggara**

**Masa: [3 jam]**

**Time: [3 hours]**

---

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNG SEMBILAN [9] SOALAN DI DALAM TIGA [3] BAHAGIAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

**[THIS QUESTION PAPER HAS NINE [9] QUESTIONS IN THREE [3] SECTIONS IN THREE [3] PAGES.]**

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. Jawab sekurang-kurangnya SATU [1] soalan daripada SETIAP bahagian. Semua soalan mempunyai markah yang sama.

[Answer FOUR [4] questions only. Answer at least ONE [1] question from each section. All questions are equally weighted].

**BAHAGIAN A**  
**[SECTION A]**

1. “Penzamanan berdasarkan kepada perubahan sosioekonomi dalam jangka masa panjang diperlukan untuk memahami sejarah moden Asia Tenggara”. Bincangkan.  
[“A periodization based on long-term socio-economic transformation is essential to understand modern Southeast Asian history”. Discuss.]
2. Bersetujukah anda dengan pandangan Victor Lieberman bahawa perkembangan ekonomi telah memudahkan munculnya kerajaan mutlak di Tanah Besar Asia Tenggara pada zaman moden awal?  
[Do you agree with Victor Lieberman’s view that economic growth facilitated the emergence of absolute kingdoms in mainland Southeast Asia during the early modern period?]

..../2

3. “Tujuan pembaharuan politik dan pentadbiran di Siam di bawah pemerintahan Rama I dan Vietnam di bawah pemerintahan Nguyen ialah untuk mengukuhkan kerajaan mutlak bagi menentang pengaruh Eropah yang mula berkembang”. Bersetujukah anda?

[“The aim of political and administrative reforms in Siam under Rama I and in Vietnam under Nguyen rulers was to strengthen the absolute monarchy against growing European influence”. Do you agree?]

**BAHAGIAN B**  
**[SECTION B]**

4. “Perkembangan ekonomi kapitalis telah menyebabkan kesan baik dan buruk kepada rakyat”. Telitikan kenyataan ini dengan merujuk kepada perubahan ekonomi di Burma dan Vietnam dari 1850 hingga 1935.

[“Expansion of capitalist economy brought about mixed results for people”. Examine this view with reference to the economic changes in Burma and Vietnam from 1850 to 1935.]

5. Bersetujukah anda dengan pandangan B. Batson bahawa “pemerintahan Thai pada pertengahan kedua abad ke-19, yang bertujuan untuk memperkembangkan teknologi, merasionalisasikan pentadbiran dan meluaskan kuasa kerajaan pusat ke wilayah yang jauh dari pusat, dalam banyak hal adalah sama dengan pemerintahan kolonial di negeri-negeri jiran”?

[Do you agree with B. Batson’s view that “the late nineteenth century Thai government, with its goals of technological development, rationalization of the administration, and expansion of central government control to areas remote from the centre, was in many respects similar to colonial regimes in neighbouring countries”?]

6. Kenapakah gerakan pembaharuan yang dijalankan oleh para cendikiawan radikal di Vietnam dari 1880 hingga 1927 tidak mengakibatkan pengaruh yang penting dalam pergerakan nasional?

[Why did the social reform movement of radical scholar-gentry in Vietnam between 1880 and 1927 fail to generate a significant influence on the nationalist struggle?]

**BAHAGIAN C**  
[SECTION C]

7. “Jepun tidak mempunyai rancangan yang teliti untuk menggalakkan pergerakan kemerdekaan di negara-negara Asia Tenggara, tetapi telah bertindak balas secara baik terhadapnya, setekat mana ia tidak membahayakan usaha perang Jepun”. Telitikan pandangan ini dengan merujuk kepada kesan pendudukan Jepun ke atas pergerakan nasionalis di Burma dan Vietnam.

[“Japan did not have a carefully prepared plan to promote independence struggle in Southeast Asian countries, but reacted to it favourably in so far as it did not jeopardize Japan’s war efforts”. Examine this view with reference to the effects of Japanese occupation on nationalist struggle in Burma and Vietnam.]

8. “Campur tangan Amerika Syarikat telah menjadikan penyatuan Vietnam lebih berpanjangan”. Sejauh manakah kenyataan ini munasabah sebagai penjelasan peristiwa politik di Vietnam dari 1945 hingga 1975?

[“American involvement unnecessarily prolonged the unification of Vietnam”. To what extent is this a reasonable explanation of political events in Vietnam from 1945 to 1975?]

9. “Kegagalan para pemimpin politik untuk melaksanakan dasar ekonomi yang kukuh dan perubahan politik yang liberal selepas kemerdekaan telah membawa kepada munculnya Khmer Rouge”. Bersetujukah anda?

[“Failure on the part of political leadership to implement sound economic policies and liberal political reforms after independence led to the emergence of Khmer Rouge”. Do you agree?]

--oo000oo--

